# MASTIKA HADITH

## RASULULLAH SAW

## MUQADDIMAH & JILID 1



جابتن کماجوان اسلام مليسيا

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

# MASTIKA HADITH

## RASULULLAH SAW

# MUQADDIMAH
## MASTIKA HADITH RASULULLAH SAW

**Diusahakan bersama oleh**
Sahibul Fadhilah
Dato Haji Muhammad Noor bin Haji Ibrahim
al-Fadhil Tuan Haji Ismail bin Haji Yusof
Sheikh Abdullah bin Muhammad Basmeih

Diterbitkan oleh
**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**

© Hakcipta Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
www.islam.gov.my

Cetakan pertama (Edisi Rumi)...... 1409 (1989)
Cetakan Kedua (Edisi Rumi)......... 1416 (1995)
Cetakan Ketiga (Edisi Rumi)......... 1432 (2011)

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, illustrasi dan isi kandungan buku ini dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, terlebih dahulu. Perundangan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia – Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

[Mastika Hadith Rasulullah SAW]
/diusahakan bersama oleh Dato' Haji Muhammad Noor bin Haji Ibrahim,
Ismail bin Haji Yusof, Sheikh Abdullah bin Muhammad Basmeih.
ISBN 983-042-0 17-5
1. Muhammad, Prophet, d. 632. 2. Hadith. 3. Islam.
I. Sheikh Abdullah bin Muhammad Basmeih. II. Judul. 297.124

# KATA ALU-ALUAN

**Yang Amat Berhormat Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussin**
**Perdana Menteri, Merangkap Pengerusi,**
**Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam, Malaysia.**

Dengan hati yang khusyuk dan penuh kesyukuran, saya mengemukakan kitab '**Muqaddimah Mastika Hadith Rasulullah SAW**' ini kepada masyarakat. Kitab ini merupakan muqaddimah dari siri himpunan hadith-hadith pilihan yang mengandungi panduan-panduan yang lengkap dari Rasulullah SAW mengenai agama Islam yang maha suci. Saya difahamkan bahawa siri ini mengandungi tiga jilid yang disiapkan satu jilid pada tiap-tiap tahun bersempena dengan tiap-tiap kali pertandingan membaca al-Quran al-Karim.

'**Muqaddimah Mastika Hadith Rasulullah**' ini adalah merupakan intisari daripada kandungan ketiga-tiga jilid '**Mastika Hadith Rasulullah**' yang akan dikeluarkan selepas ini, dan '**Muqaddimah**' ini diterbitkan bersempena dengan pertandingan membaca al-Quran tahun 1973 Masihi – 1393 Hijrah.

Sebagaimana dimaklumi, bahawa sebelum ini kitab tafsir al-Quran '**Pimpinan Al-Rahman kepada Pengertian al-Quran**' telah diterbitkan oleh Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam dalam tiga jilid dan telah mendapat sambutan yang sangat baik dari seluruh masyarakat Islam negara kita ini. Kitab '**Pimpinan Al-Rahman kepada Pengertian al-Quran**' itu telah membawa pengertian al-Quran dengan huraian yang jelas, bahasa yang baik dan cetakan yang sempurna kepada umat Islam negara kita ini. Kitab '**Mastika Hadith Rasulullah**' ini pula adalah lanjutan yang perlu dari kitab Tafsir al-Quran itu tadi, untuk memberi huraian yang lebih jelas dan terang lagi tentang Islam dan ajaran-ajarannya dari hadith-hadith Rasulullah SAW, junjungan yang diutuskan untuk membawa petunjuk Allah kepada umat manusia.

Saya yakin bahawa himpunan hadith yang terkandung dalam '**Mastika Hadith Rasulullah SAW**' ini akan tambah menyuburkan semaian benih Islam di dada umat Islam di negara kita ini dan di mana-mana juga kitab ini digunakan.

Himpunan hadith yang terdapat dalam siri '**Mastika Hadith Rasulullah SAW**' ini adalah himpunan julung-julung kali seumpamanya diadakan,

dengan cara yang tersusun dan meliputi seluruh aspek Islam. Usaha ini adalah usaha yang besar dan akan mendapat berkat keredhaan Allah. Maka saya suka mengambil kesempatan ini untuk mengaturkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Sahib Al-Fadhilah Dato' Haji Muhammad Noor Ibrahim, Mufti Kerajaan Kelantan, kerana usahanya menyusun himpunan hadith ini bersama-sama dengan Al-Fadhil Haji Ismail bin Yusof, Penolong Mufti Kerajaan Kelantan dan Al-Fadhil Sheikh Abdullah Basmeih yang memberikan usaha tenaga yang besar dalam menjayakan usaha ini.

Mudah-mudahan kitab '**Muqaddimah Mastika Hadith Rasulullah SAW**' ini, dan jilid-jilid yang berikutnya dalam siri '**Mastika Hadith Rasulullah SAW**', akan dapat memberi manfaat kepada kaum muslimin, dan diterima Allah sebagai suatu bakti dalam menyebarkan ajaran-ajaran suci junjungan besar kita Nabi Muhammad SAW

Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussin

Kuala Lumpur
3 haribulan September, 1973.

# KATA ALU-ALUAN

Assalamualaikum wr. wb.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan nikmat limpah kurnia-Nya Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) berjaya menerbitkan Kitab Mastika Hadith Rasulullah SAW siri Muqaddimah dan Jilid 1 Edisi Rumi. Pembaharuan ini bertujuan memudahkan generasi kini mengambil manfaat daripadanya.

Kitab Mastika Hadith Rasulullah SAW ini mengandungi dua bahagian, iaitu bahagian pertama Muqaddimah dan bahagian kedua Jilid Satu. Buku ini asalnya telah diterbitkan semasa zaman Allahyarham Tun Abdul Razak menjadi Perdana Menteri Malaysia, iaitu terbitan pertamanya pada tahun 1973. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia ketika itu telah memberi arahan akhir diterbitkan sebuah buku Hadith yang mengandungi pilihan-pilihan hadith yang sesuai sebagai bahan bacaan masyarakat di negara ini. Alhamdulillah, kitab Mastika Hadith ini telah dijadikan sebagai bahan bacaan dan rujukan serta dijadikan teks pengajian oleh para ilmuan di masjid-masjid negara ini.

Seiring dengan peredaran masa yang menyebabkan berkembangnya bahasa maka setelah hampir 34 tahun lamanya usaha Kitab Mastika Hadith ini maka Jakim berusaha membuat beberapa perubahan dari segi ejaan, iaitu ejaan baru mengikut Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan juga dari segi tatabahasa Melayu. Hanya beberapa pembetulan tatabahasa dan perkataan lama telah dibuat tanpa mengubah isi atau maksud ayat daripada pengarang asalnya. Hal ini adalah untuk memelihara gaya penulisan kitab asal Mastika Hadith ini.

Harapan saya penerbitan Kitab Mastika Hadith Edisi Rumi ini dapat memudahkan semua pihak terutama generasi baru untuk membuat rujukan berkenaan hadith Rasulullah SAW Jakim sentiasa berbesar hati untuk menambah lagi usaha-usaha menjadikan rakyat Malaysia sebagai generasi celik ilmu ke arah memakmurkan dan memajukan negara yang tercinta ini.

Akhirnya saya berdoa agar usaha ini diterima dan diberkati Allah SWT sebagai amalan salih dan memberi manfaat kepada kita semua.

Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

# SEKAPUR SIRIH

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله نزل أحسن الحديث كتابا قال فيه: وما اتاكم الرسول فخذوه. والصلاة والسلام على سيدنا محمد الماءمور بأن يقول: وان هذا صراطي مستقيما فاتبعوه. وعلى آله وصحبه والتابعين باحسان فيما بلغوه وبينوه وأسسوه.

Oleh sebab hadith-hadith Rasulullah SAW amatlah penting dengan sifatnya menjadi sebaik-baik panduan hidup kemudian daripada kitab Allah al-Quran al-Karim, maka amatlah besar faedahnya, arahan Yang Amat Berhormat Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia supaya diadakan sebuah kitab hadith untuk bacaan umum masyarakat pembaca Bahasa Kebangsaan.

Bagi menjunjung arahan yang tak dapat dielakkan maka kami dengan segala daya dan kebolehan – cuba memulakan usaha memilih dan mengumpulkan beberapa hadith dan menyusunkannya menjadi buku bacaan sebagaimana yang diarahkan oleh pemimpin yang kita cintai itu.

Dengan usaha yang kami telah cuba lakukan itu, Alhamdulillah, terbitlah sebuah buku mengandungi hadith-hadith yang kami jadikan sebagai 'Muqadimah' bagi jilid-jilid yang akan datang dalam siri penyusunan yang akan diteruskan Insya-Allah.

Kami sedar akan ceteknya kebolehan kami, khasnya dalam ilmu hadith Rasulullah SAW yang amat luas itu, meskipun demikian, kami beranikan juga diri kami memasukinya dengan kuat bertawakkal kepada Allah serta memohon limpah taufik dan hidayah daripada-Nya 'Azza wa Jalla.

Hadith-hadith yang dipilih dan dikumpulkan ini, setelah diterjemah, diikuti pula dengan huraian-huraian maksudnya, dengan berpandukan kitab-kitab huraian hadith dan pendapat-pendapat ulama' yang kami fikir sesuai dengan keadaan masyarakat tanah air kita.

Demikianlah pula cara penyusunan hadith-hadith yang akan dihimpunkan pada jilid-jilid yang berikutnya – Insya-Allah.

Hadith-hadith yang terhimpun dalam buku ‘Muqaddimah’ ini ialah sebanyak 42 hadith, disusun dalam sepuluh bab, yang kami fikir dan berharap akan menjadi asas bagi hadith-hadith yang akan disusun dalam jilid-jilid akan datang.

Kami sedia menerima apa-apa teguran yang membina dari sesiapa juga yang sudi memberinya, dan hal yang demikian kami hargai sebagai sumbangan kerjasama dengan kami.

Kami merayu dan berdoa kepada Allah Ta’ala semoga buku ini memberi faedah kepada sekalian pembaca, dan semoga segala rancangan dan arahan Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri sentiasa berjaya dengan amat sempurna.

**Sheikh Abdullah bin Muhammad Basmeih**
**Haji Ismail bin Haji Yusuf**
**Haji Muhammad Noor bin Haji Ibrabim**

1 Ramadhan 1393
28 September 1973

# KITAB-KITAB HADITH – PUNCA KAJIAN

1. **Sahih al-Bukhari** . . . . . . Oleh al-Imam Muhammad bin Ismail al-Bukhari.
2. **Fath al-Bari** . . . . . . . . . . Oleh al-Hafiz ibn Hajr al-Asqalani.
3. **Irsyad al-Sari** . . . . . . . . . Oleh al-Allamah Syahabuddin al-Qastalani.
4. **Umdah al-Qari** . . . . . . . Oleh al-Imam Badaruddin al-‘Aini.
5. **Hidayah al-Bari** . . . . . . . Oleh al-Syaikh Abdul Rahim ‘Anbar al-Tahtaawi.
6. **Sahih Muslim** . . . . . . . . Oleh al-Imam Muslim bin al-Hajjaj al-Qusyairi.
7. **Sahih Muslim bi Syarh al-Nawawi** . . . . . . . . . . . Oleh al-Imam al-Nawawi.
8. **Al-Lu'lu' wal-Marjan fi ma attafaqa alalhi al-Syaikhan** . . . . . . . . . . Oleh Muhammad Fuad Abd Al-Baqi.
9. **Zad al-Muslim fi ma alaih al-Bukhari wa Muslim** . . . . . . . . . . . . . . Oleh al-‘Allamah al-Syanqiti.
10. **Fath al-Mulhim** . . . . . . . Oleh al-‘Allamah Syabir Ahmad al-Duyubandi al-Uthmani.
11. **Jami' al-Tirmidzi** . . . . . Oleh al-Imam al-Tirmidzi.
12. **Tuhfat al-Ahwadzi** . . . . Oleh al-Hafiz Muhammad Abdul Rahman al-Mubarakatfuri.
13. **Sunan Abi Daud** . . . . . . Oleh al-Imam Abu Daud.
14. **Aun al-Ma'bud** . . . . . . . Oleh al-‘Allamah Muhammad Syams al-Haq al-Aziim Abaadi.
15. **Sunan al-Nasai** . . . . . . . Oleh al-Imam Abu Abdul Rahman al-Nasa'i

16. **Sunan Ibn Majah** ..... Oleh al-Imam Ibn Majah.
17. **Al-Muwatta'** .......... Oleh al-Imam Malik ibn Anas.
18. **Tanwir al-Hawalik** .... Oleh al-Imam Jalaluddin al-Suyuti.
19. **Al-Musnad** ........... Oleh al-Imam Ahmad bin Hanbal.
20. **Misykat al-Masabih** ... Oleh al-Syeikh Waliyuddin al-Tabrizi.
21. **Mirqat al-Mafatih** ..... Oleh al-'Allamah Ali bin Sultan Muhammad al-Qaari.
22. **Al-Taj al-Jami' lil-Usul** .................. Oleh al-Syeikh Mansur Ali Nasif.
23. **Faidh al-Qadiir Syarh al-Jami' al-Saghir** ..... Oleh al-'Allamah al-Manawi.
24. **Al-Arba'in al-Nawawiyyah** ....... Oleh al-Imam al-Nawawi.
25. **Syarh al-Arba'in** ...... Oleh al-'Allamah Ibn Hajar al-Haitami.
26. **Syarh al-Arba'in** ...... Oleh al-'Allamah Ibn Rajab.

**Kitab-Kitab Lain**

27. **Al-Zawajir** ........... Oleh al-'Allamah Ibn Hajar al-Haitami.
28. **Isa'af Ahl al-Iman** ..... Oleh al-Syeikh Hasan Masysyaat.
29. **Tahdzib al-Furuq** ..... Oleh al-Syeikh Ali Maliki.
30. **Ihya' 'Ulum al-Din** .... Oleh Hujjat al-Islam al-Imam al-Ghazali.

# ISTILAH ILMU HADITH

**Ta'rif Hadith Nabi dan Hadith Qudsi**

## Hadith Nabi

Hadith Nabi ialah berita-berita sabda Nabi Muhammad SAW, perbuatannya dan taqrirnya (ketiadaan larangannya) terhadap sesuatu yang dilakukan orang setelah Baginda mengetahuinya, juga berita sifat tubuh badan dan keperibadiannya yang mulia.

## Hadith Qudsi

Hadith Qudsi ialah berita-berita firman Tuhan yang disampaikan erti maksudnya oleh Rasulullah SAW dengan susun kata Baginda sendiri.

Dengan ta'rif ini nyatalah perbezaan di antara hadith Qudsi dengan al-Quran al-Karim, kerana al-Quran ialah Kalam Allah Ta'ala dan lafaznya dan susun-katanya diturunkan kepada Rasulullah SAW serta diperintahkan supaya menyampaikannya kepada umat manusia.

## Tiap-tiap Hadith Ada 'Sanadnya'

Oleh sebab di antara masa sahabat-sahabat Nabi dan masa pengumpulan hadith-hadith diselangi oleh beberapa lapisan manusia maka tiap-tiap hadith yang dikumpulkan itu tak dapat tidak ada sanadnya yang tertentu.

Sanad ialah salasilah (pertalian) yang terdiri daripada beberapa orang rawi, satu demi satu mulai daripada guru bagi seseorang pengumpul hadith hingga kepada sahabat yang menerima sendiri hadith itu dari Rasulullah SAW.

Dengan memandang kepada keadaan sanad dan juga kepada keadaan tiap-tiap seorang rawi maka terbahagilah hadith kepada beberapa bahagian.

## Bahagian Hadith

### Hadith Mutawatir

Hadith-hadith Nabi Muhammad SAW didapati: Ada yang diriwayatkan oleh rawi-rawi yang ramai pada tiap-tiap lapisan sanadnya, sehingga kepada bilangan yang mustahil pada adat mereka boleh berpakat melakukan dusta.

Hadith yang sedemikian rawinya dipanggil 'Hadith Mutawatir'.

Hukum hadith Mutawatir ini tetap diterima menjadi 'Hujah', tidak harus ditolak dan tidak pula harus diingkari lagi.

## Hadith-hadith Sahih, Hasan dan Dha'if

Dan ada pula hadith-hadith yang rawinya tidak sampai kepada bilangan yang tersebut, maka hadith ini terbahagi kepada tiga bahagian: Hadith Sahih, Hadith Hasan dan Hadith Dha'if.

## Hadith Sahih

Hadith Sahih ialah hadith yang cukup padanya lima syarat:

(1) Berhubung sanadnya: laitu tiap-tiap rawinya itu berhubung antara satu dengan yang lain, dari awal Sanad hingga ke akhirnya, tidak ada rawi yang gugur, tidak disebut.
(2) Tiap-tiap orang rawi dalam sanad itu bersifat cukup adil.
(3) Dan bersifat cukup dhabit, ertinya cukup kuat ingatannya atau rapi simpanan kitab yang ditulis hadith itu di dalamnya.
(4) Hadith yang diriwayatkan oleh seseorang rawi itu tidak menyalahi dengan hadith yang diriwayatkan oleh rawi yang lebih kuat daripadanya.
(5) Hadith yang diriwayatkan itu tidak ada mengandungi 'illah' (kecacatan-kecacatan yang termaklum).
(Berkenaan dengan soalan 'illah' ini memerlukan kupasan yang agak panjang, yang tidak sesuai dengan keadaan lembaran-lembaran yang terhad ini).

## Hadith Hasan

Hadith Hasan pula ialah sama dengan hadith Sahih tentang syarat-syaratnya yang tersebut, hanya berbeza tentang sifat adil dan sifat dhabit rawi-rawinya, iaitu sifat adil dan sifat dhabitnya tidak cukup penuh.

## Hadith Dha'if

Hadith Dha'if ialah tiap-tiap hadith yang tidak cukup padanya lima syarat yang tersebut.

## Kegunaan Hadith-hadith

Hadith-hadith Sahih dan Hasan adalah menjadi sumber hukum Syarak, untuk diamalkan dan dijadikan hujah, manakala hadith Dha'if pula hanya boleh digunakan untuk menyatakan kelebihan satu-satu amal supaya dikerjakan, atau menerangkan keburukan satu-satu bawaan supaya dijauhi.

## Hukum-hukum mengenai sesuatu Hadith

Hukum yang diberikan kepada sesuatu hadith dengan dikatakan: Hadith ini Sahih, Hasan atau Dha'if, adalah semata-mata dengan berdasarkan kepada keadaan-keadaan lahir dari sanadnya dan rawi-rawinya, bukanlah dengan secara pemutus mengikut hakikat keadaan yang sebenar, kerana ada kemungkinan berlaku kesilapan pada orang-orang yang bersifat adil dan kepercayaan, dan kemungkinan juga orang-orang yang pembohong bercakap benar. Maka hakikat yang sebenar itu Allah jua yang mengetahuinya.

# KANDUNGAN


Kata Alu-aluan v
Sekapur Sirih viii
Kitab-kitab Hadith Punca Kajian x
Sedikit Tentang Istilah Ilmu Hadith xii
Kandungan xv

**BAB 1: Sebenar-benar Perkataan dan Sebaik-baik Jalan Pimpinan 1**

**Hadith Pertama**
Pertama : Gaya Rasulullah SAW Berpidato 2
Kedua : Masa Baginda Diutus dan Saat Berlakunya Kiamat 3
Ketiga : Kitab Allah Adalah Sebenar-benar Perkataan 3
Pimpinan Rasulullah SAW 4
Keempat : Perkara-perkara Baharu yang Diada-adakan dalam Agama 4
Kelima : Keadaan Rasulullah Bersama Orang Mukmin 5

**Hadith Kedua**
Pertama : Penulisan Hadith-hadith Nabi 6
Kedua : Baginda Mengizinkan Supaya Hadith-hadithnya diTulis 7
Ketiga : Segala yang Disampaikan oleh Baginda Dari Allah Ta'ala Tetap Benar 7
Keempat : Anggapan Berlakunya Kesilapan pada Penyampaian Baginda Adalah Tidak Benar 7

Lampiran (A)
Penulisan Hadith-hadith Rasulullah SAW 10
Pendapat Sahabat-sahabat Nabi 10
Pendapat Alim Ulama 11

**BAB 2: Wajib Berpegang Teguh Kepada Kitab Allah dan Mengikuti Jalan Pimpinan Rasulullah 12**

**Hadith Ketiga**
Pertama : Kitab Allah al-Quran al-Karim 13
Kedua : Nasib Seseorang Dalam Alam Kehidupan 13

**Hadith Keempat**
Pertama : Pusaka Peninggalan Rasulullah SAW 14

Kedua : Kitab Allah dan Sunnah Rasulullah SAW Menjamin Keselamatan Umat Manusia 15

**Hadith Kelima**

Pertama : Rasulullah SAW Seorang Ahli Pidato yang Amat Bijaksana 17

Kedua : Soal Takwa dan pengertiannya 17

Ketiga : Orang-orang Islam Wajib Taat kepada Ketua Sekali Pun Ketua itu dari Golongan Hamba Abdi 18

Keempat : Amaran Baginda Tentang Berlakunya Perselisihan dalam Kalangan Umat Islam 18

Kelima : Perlunya Berpandu pada Jalan Bawaan Rasulullah SAW dan Jalanan Pimpinan Khalifah-khalifah al-Rasyidin 18

**Hadith Keenam**

Perkara-perkara Buruk yang Diperingatkan Oleh Junjungan Kita Nabi Muhammad SAW 20

**BAB 3: Agama yang diRedhai Allah Ialah Islam 24**

**Hadith Ketujuh**

Pertama : Manusia dan Undang-undang yang diWajibkan Mematuhinya 25

Kedua : Kepatuhan yang Sempurna dan Balasannya 25

**Hadith Kelapan**

Taat kepada Rasulullah SAW dan Taat kepada Pemerintah Bererti Taat kepada Allah 26

**Hadith Kesembilan**

Keadaan Amal-amal yang Baik pada Hari Kiamat 27

**BAB 4: Kelebihan-kelebihan Agama Islam** 29

**Hadith Kesepuluh**

Pertama : Soal Orang Kafir Masuk Islam 30

Kedua : Balasan Amalnya yang diLakukan Setelah Memeluk Islam 30

Ketiga : Balasan Orang yang Berdosa 30

**Hadith Kesebelas**
Nilaian Islam Terhadap Kebajikan dan Kejahatan 31

**Hadith Kedua Belas**
Pertama : Keyakinan dan Penerangan 33
Kedua : Menentang Fahaman Sesat 33

**BAB 5: Rukun-rukun Agama (Iman, Islam dan Ihsan)** 34

**Hadith Ketiga Belas**
Pertama : Malaikat Jibril AS Adakalanya Menyamar Diri Sebagai Seorang Manusia 37
Kedua : Iman, Islam dan Ihsan Berkaitan Satu Sama Lain 38

**Islam dan Asasnya yang Lima:** **38**
Pertama : Mengakui Kebenaran Tiap-tiap Perkara yang Benar dan Melafazkan Kalimah Taqwa 39
Kedua : Menggunakan Anggota untuk Amal Bakti 39
Ketiga : Berkorban dengan Harta Benda 40
Keempat : Membendung Kemahuan Hawa Nafsu 40
Kelima : Menghadiri Tempat-tempat Perhimpunan untuk Kebajikan 40

**Iman dan Asasnya yang Enam:** **41**
Wujud Allah Pencipta Seluruh Alam 41
Adanya Malaikat 42
Adanya Kitab-kitab Allah 42
Adanya Rasul-rasul Allah 42
Adanya Alam Akhirat 42
Adanya Qadar dan Takdir Allah 43

**Ihsan dan Peringkat-peringkatnya** **43**
Tanda-tanda Kedatangan Hari Kiamat 43

Lampiran (B)
Soal Sembahyang 45
Orang yang Mengerjakan Sembahyang dengan Tidak Sempurna Amatlah Buruk Balasannya 48

**BAB 6: Iman dan Islam yang Sempurna** **50**

**Hadith Keempat Belas**
Hakikat Iman Seseorang Tidak akan Sempurna Melainkan Apabila ia mengutamakan kasihnya kepada Rasulullah SAW 51

**Hadith Kelima Belas**
Tidak Sempurna Iman Seseorang yang Tidak Mempunyai Perasaan Timbang Rasa Persaudaraan Sesama Manusia 52

**Hadith Keenam Belas**
Sempurnanya Iman Seseorang Adalah dengan Menurut Bulat-bulat Apa yang dibawa oleh Rasulullah SAW 54

**Hadith Ketujuh Belas**
Orang yang Tergamak Melakukan Sesuatu yang diLarang, Tidak Sempurna Imannya 55

**Hadith Kelapan Belas**
Orang-orang yang Sempurna Islamnya tidak Melakukan Sebarang Angkara 56

**Hadith Kesembilan Belas**
Sebahagian dari Kesempurnaan Islam 57

**BAB 7: Wajib Menuntut Ilmu Agama dan Kelebihannya** 59

**Hadith Kedua Puluh**
Kewajipan Lelaki dan Perempuan Mempelajari Ilmu Agama 59

**Hadith Kedua Puluh Satu**
Pertama : Ilmu-ilmu Agama 61
Kedua : Ilmu-ilmu yang Lebih yang Tidak Dikehendaki oleh Agama 62

**Hadith Kedua Puluh Dua**
Pertama : Perintah Belajar dan Mengajar 63
Kedua : Amaran tentang Kehilangan Ilmu dan Akibatnya 63

**Hadith Kedua Puluh Tiga**
Penentuan Sikap Terhadap Ilmu Agama 64

**Hadith Kedua Puluh Empat**
Pertama : Kelebihan Orang yang Dikurniakan Fahaman yang Teliti dalam Perkara Agama 65

Kedua : Allah Jua yang Mengurniakan Ilmu Pengetahuan 66
Ketiga : Sebahagian dari Umat Muhammad SAW Tetap Terus Menjalankan Kebenaran 66

**Hadith Kedua Puluh Lima**
Kelebihan Orang yang Mengambil dan Memberi Manfaat dengan Ilmu Agama dan Orang yang Sebaliknya 68

**Hadith Kedua Puluh Enam**
Pertama : Galakan Memberi Pertolongan 70
Kedua : Balasan Usaha Menuntut Ilmu 72
Ketiga : Kelebihan Berhimpun Membaca al-Quran dan Mentadarusnya 72
Keempat : Amalan Seseorang Jualah yang Menentukan Maju Mundurnya 73

**BAB 8: Wajib Menyampaikan Ilmu Agama dan Kelebihannya** 75

**Hadith Kedua Puluh Tujuh**
Pertama : Soal Menyampaikan Ilmu Agama 76
Kedua : Kewajipan Orang yang Disampaikan kepadanya Sesuatu Ilmu Agama 76

**Hadith Kedua Puluh Lapan**
Pertama : Soal Menyampaikan Ilmu Agama 77
Kedua : Kisah-kisah Bani Israel 77
Ketiga : Balasan Berbuat Dusta Terhadap Nabi Muhammad SAW 78

**Hadith Kedua Puluh Sembilan**
Balasan yang Seburuk-buruknya Bagi Orang yang Menyembunyikan Ilmu Agama 79

**Hadith Ketiga Puluh**
Dua Kelebihan yang Digalakkan Beriri Hati 80

**Hadith Ketiga Puluh Satu**
Kelebihan Orang yang Mengajak Mengerjakan Amal yang Baik dan Sebaliknya 82

**Hadith Ketiga Puluh Dua**
Pertama : Kelebihan Orang yang Berkhidmat Memelihara Hadith-hadith Nabi Muhammad SAW 83
Kedua : Orang yang Menyampaikan Hadith 83

**BAB 9: Wajib Bersikap Ikhlas dalam Menuntut Ilmu dan dalam Mengerjakan Sesuatu Amal Ibadat atau Taat** 84

**Hadith Ketiga Puluh Tiga.**
Orang yang Mempelajari Ilmu Agama dengan Tujuan Mendapat Habuan Dunia, Buruk Padahnya 84

**Hadith Ketiga Puluh Empat**
Penuntut-penuntut Ilmu Supaya Jangan Bertujuan Selain dari Mentaati Allah Serta Mendapat Keredhaan-Nya 87

**Hadith Ketiga Puluh Lima**
Akibat Buruk yang Ditimpakan Kepada Orang-orang yang Menyalahgunakan Nikmat-nikmat Pemberian Allah Kepadanya 89

**Hadith Ketiga Puluh Enam**
Pertama : Peristiwa Berhimpun di Padang Mahsyar 90
Kedua : Keputusan Perbicaraan Masing-masing 90

**Hadith Ketiga Puluh Tujuh**
Sebarang Amal yang Dikerjakan Bukan Kerana Allah, Tidak Ada Nilainya di Sisi Allah 91

**BAB 10: Nilai Segala Amal Berdasarkan Niat** 92

**Hadith Ketiga Puluh Lapan**
Nilai Segala Amal Berdasarkan Niat 93
Benar atau Tidaknya Niat yang Didakwakan oleh Seseorang 94
Niat Tidak Dapat Mengubah Keadaan Maksiat 94

**Hadith Ketiga Puluh Sembilan**
Pertama : Soal Kebaikan dan Kejahatan 97
Kedua : Nilaian Niat 97

**Hadith Keempat Puluh**
Perkara-perkara yang Baik dan yang Buruk 100
Pertama : Perkara Bersedekah 100
Kedua : Bersabar Terhadap Sesuatu Kezaliman 100
Ketiga : Keburukan Perbuatan Meminta Sedekah 100
Niat yang Suci dan Sebaliknya 102

**Hadith Keempat Puluh Satu**
Pertama : Akibat Buruk Orang-orang yang Mencabuli Kehormatan Sesuatu yang Mulia di Sisi Allah Ta'ala 104
Kedua : Orang yang Ada Bersama dalam Kalangan Orang-orang yang Melakukan Perbuatan yang Durjana akan Ditimpa Bala Bencana yang Menimpa Mereka 104
Ketiga : Balasan Akhirat Diberi Berdasarkan Niat Masing-masing 104

**Hadith Keempat Puluh Dua**
Ada Jenis Amal Kebajikan yang Terhad Masanya, tetapi Perjuangan Agama dan Niat yang Baik Sentiasa Dituntut 105

**Dapatkan naskhah anda sekarang di :**

Bahagian Penerbitan Jakim

Aras 1, Blok D9, Kompleks D

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62519 W.P. Putrajaya

No. Tel : 03-8886 4575

PREVIEW

# MASTIKA HADITH
## RASULULLAH SAW

**Jilid Pertama**
**(Bahagian Iman)**

«تَرَكْتُ فِيْكُمْ أَمْرَيْنِ لَنْ تَضِلُّوا مَا تَمَسَّكْتُمْ بِهِمَا : كِتَابَ
اللَّهِ وَسُنَّةَ رَسُولِ اللَّهِ»

(الإمام مالك)

"Aku tinggalkan dalam kalangan kamu dua perkara yang kamu tidak sekali-kali akan sesat selagi kamu berpegang teguh kepada keduanya, iaitu kitab Allah dan sunnah Rasulullah," (SAW)

(Imam Malik)

# SEKAPUR SIRIH

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

اَلْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِى أَنْشَأَنَا مِنَ العَدَمِ إِلَى الوُجُودِ، وَأَمَدَّنَا بِأَنْوَارِ نِعَمِ
الإِحْسَانِ وَالجُودِ، وَشَرَحَ صُدُورَنَا لِاتِّبَاعِ سُنَنِ مَنْ لَهُ الْكَوْثَرُ وَالْحَوْضُ
الْمَوْرُودُ، وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الْمَخْصُوصِ بِالوَسِيلَةِ وَالْمَقَامِ
الْمَحْمُودِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ إِلَى يَوْمِ الْمَوْعُودِ، وَسَلَّمَ
تَسْلِيمًا كَثِيرًا دَائِمًا إِلَى يَوْمِ الرُّؤْيَةِ وَالْخُلُودِ.

Kami bersyukur kepada Allah Subhanahuwataala yang telah memberi taufik sehingga **"Muqaddimah Mastika Hadith Rasulullah SAW"** yang telah kami usahakan dan diterbitkan pada bulan Ramadhan tahun lalu, telah dicetak sekali lagi dalam masa yang singkat.

Dalam bulan Ramadhan tahun ini pula kitab **"Mastika Hadith Rasulullah SAW"** – jilid satu – yang kami telah selesai menyusunnya, dapat diserahkan kepada Jabatan Perdana Menteri untuk diterbitkan.

Oleh kerana Agama Islam meliputi tiga dasar asas, iaitu Iman, Islam dan Ihsan, maka kandungan kitab **"Mastika Hadith Rasulullah SAW"** yang telah kami usahakan ini dibahagikan kepada tiga jilid.

Jilid satu mengandungi hadith-hadith yang berhubung dengan "Iman" (ilmu Tauhid), jilid kedua mengandungi hadith-hadith yang berhubungan dengan "Islam" (hukum-hukum Syarak), dan jilid ketiga pula mengandungi hadith-hadith yang berhubung dengan "Ihsan" (akhlak dan asuhan budi).

Huraian mengenai Iman yang dipaparkan dalam jilid satu ini kami susun dalam bentuk baharu, kerana yang dipentingkan oleh Islam dalam membentuk "Aqidah Islamiah" ialah menimbulkan kesedaran hati nurani, akal fikiran dan perasaan manusia terhadap kebesaran, kemurahan dan kebijaksanaan Allah Maha Pencipta yang telah menciptanya daripada tiada kepada ada, dan mengurniakannya berbagai jenis nikmat yang tidak terhitung untuk meneruskan wujudnya dalam alam kehidupan ini – suatu kesedaran yang menggalakkan tiap-tiap orang bersyukur akan

nikmat-nikmat yang tersebut dengan mematuhi perintah-perintah Allah 'Azza wa Jalla yang disampaikan dan dijelaskan oleh Rasulullah SAW, dan berusaha dengan bersungguh-sungguh mengerjakan amal-amal bakti yang diharapkan memberikannya kesenangan hidup semasa ia berada di dunia, dan menyelamatkannya semasa ia menghadapi berbagai-bagai ujian di akhirat. Meliputi ujian-ujian ketika ia berada di alam Barzakh dan seterusnya ketika ia dibangkitkan hidup semula dan dibawa ke Padang Mahsyar sehingga ia menerima balasan kesyukuran dan amal baktinya itu.

Bagi menjayakan tujuan yang suci murni ini, maka dalam jilid yang pertama ini – selain daripada ayat-ayat al-Quran yang menjadi dalil-dalil asasi – kami sajikan 143 hadith yang disertakan dengan maknanya dan huraiannya, dan tidak kurang dari 40 hadith lagi yang diambil maksudnya sahaja.

Kami tidak lupa mengulangi di sini – sebagaimana yang kami nyatakan dalam kitab **"Muqaddimah"** dahulu – bahawa kami sedia menerima apa-apa teguran yang membina, dan kami hargai sebagai sumbangan kerjasama dengan kami.

Kepada Allah jualah kami berdoa dan berharap semoga kita semua diberi hidayah dan taufik, dan semoga kitab **"Mastika Hadith Rasulullah SAW"** – sebagaimana yang diharapkan oleh Yang Amat Berhormat Tun Haji Abdul Razak bin Hussien, Perdana Menteri Malaysia dalam kata-kata aluannya yang disajikan dalam kitab **"Muqaddimah"** dahulu: "Akan dapat memberi manfaat kepada kaum muslimin, dan diterima oleh Allah sebagai suatu bakti dalam menyebarkan ajaran suci junjungan besar kita Nabi Muhammad SAW."

Sheikh Abdullah Basmeih
Haji Ismail Haji Yusof
Haji Muhammad Noor bin Haji Ibrahim

1 Ramadhan, 1394
17 September, 1974

# KITAB-KITAB RUJUKAN


1. **Jami’ al-Bayan ‘An Ta’wil al-Quran** ..... Oleh Abu Jaafar Muhammad bin Jarir al-Tabari
2. **Al-Tafsir al-Kabir** ..... Oleh Abu Abdullah Muhammad bin Omar Fakhruddin al-Razi.
3. **al-Jami’ li-Ahkam al-Quran** ..... Oleh Abu Abdullah Muhammad bin Ahmad al-Qurtubi.
4. **Hasyiah al-Baidhawi**... Oleh al-Syeikh al-Khaffaaji.
5. **Hasyiah al-Baidhawi**... Oleh al-Syeikh Zadah.
6. **Tafsir al-Quran al-’Azim** ....... Oleh Abu al-Fida’ Ismail Ibn Kathir al-Dimasyqi.
7. **Al-Dur al-Manthur**.... Oleh al-lmam al-Hafiz al-Suyuti.
8. **Ruh al-Ma ani**......... Oleh Abu Al-Fadhil Shahabuddin al-Saiyid Mahmud al-Alusi.
9. **Mahasin al-Ta’wil** ..... Oleh al-Syeikh Muhammad Jamaluddin al-Qasimi.
10. **Tafsir al-Quran al-Karim** ....... Oleh al-Syeikh Mahmud Syaltut.
11. **Fi Zilal al-Quran** ...... Oleh al-Syahid Saiyid Qutub.
12. **Fath al-Bari, Syarh. Sahih al-Bukhari** ..... Oleh al-Hafiz Ibn Hajar al-‘Asqalani.
13. **Irsyad al-Sari** ......... Oleh al-Allamah Shahabuddin al-Qastalani.
14. **Hidayah al-Bari** ....... Oleh al-Syeikh Abd. Rahim Anbar al-Tahtaawi
15. **Bahjah al-Nufus**....... Oleh al-lmam Abu Abdullah Muhammad bin Abu Jumrah.
16. **Syarh Sahih Muslim** ... Oleh al-lmam Abu Zakaria Yahya al-Nawawi.
17. **Fath al-Mulhim** ....... Oleh al-Allamah Syabir’Ahmad al-Diyubandi al-Uthmani.

18. **'Aun al-Ma bud-Syarh Sunan Abi Daud** . . Oleh Abu al-Tayib Muhammad Syams al-Haq al-'Azim Abaadi.

19. **Tuhfah al-Ahwadzi- Syarh Jami' al-Tirmidzi** . . . Oleh al-Hafiz Abu al-Ala Muhammad Abdul Rahman al-Mubarakfuri.

20. **Sunan Ibn Majab** . . . . . . Oleh al-lmam Ibn Majah al-Qazwini.

21. **Syarh al-Mawahib al-Diniyyah** . . . . . Oleh al-Syeikh Muhammad bin Abdul Baqi al-Zarqani.

22. **Mukhtasar Tazkirah al-Qurtubi** . . . Oleh al-Syeikh Abdul Wahab al-Sya'rani.

23. **Faidh al-Qadir – Syarh al-Jami' al-Saghir** . . . . . . Oleh al-Syeikh Abdul Rauf al-Manawi.

24. **Al-Siraj al-Munir Syarh al-Jami' al-Saghir** Oleh al-Syeikh Alii Ibn al-Syeikh Ahmad al-'Azizi

25. **Mirqah al-Mafatih Syarh Misykah al-Masabih**. . . . . Oleh al-Syeikh Ali bin Sultan Muhammad al-Qari.

26. **Fath al-Mun'im – Syarh Zad al-Muslim**. . . . . . Oleh al-Syeikh Habibullah al-Syanqiti.

27. **Subul al-Salam**. . . . . . . . Oleh al-lmam Muhammad bin Ismail al-Amir al-San ani.

28. **Nail al-Autar**. . . . . . . . . . Oleh al-Imam Muhammad bin Ali bin Muhammad al-Syaukani

29. **Ithaf al-Sadah al-Muttaqin – Syarh Ihya' Ulumuddin**. . . . . . . . . Oleh al-Allamah al-Sayyid Muhammad bin Muhammad al-Husaini al-Zabidi.

30. **Jami al-'Ulum wal-Hikam**. . . . . . . . . Oleh al-Allamah Ibn Rajab al-Hanbali.

31. **Hasyiah al-Arba'in al-Nawawiah** . . . . Oleh al-Syeikh Abdullah al-Nabrawi.

32. **Sa'adah al-Darain** . . . . . Oleh al-Syeikh Yusof bin Ismail al-Nabhani.

33 **Hasyiah Abd. al-Salam ‘ala Jauharah al-Tauhid** .......... Oleh al-Allamah al-Syeikh Muhammad bin Muhammad al-Amir.

34. **Tuhfah al-Murid ‘ala Jauharah al-Tauhid** ... Oleh al-Syeikh Ibrahim al-Baijuri

35. **Al-Zawajir** ............ Oleh al-Allamah Ibn Hajar al-Makki Haitami.

36. **Al-I’lam bi-Qawati’ al-Islam** .... Oleh al-Allamah Ibn Hajar al-Makki al-Haitami.

37. **Al-Islam Aqidah wa-Syari’ah** ...... Oleh al-Syeikh Mahmud Syaltut

38. **Masyaahid al-Qiamah** . Oleh Syahidul Islam Sayyid Qutub

39. **Ruh al-Din al-Islami** ... Oleh al-Syeikh Afif Abdul Fattah Tabbarah.

40. **Al-Qadha’ wal-Qadar** .. Oleh al-Syeikh Abu al-Wafa Muhammad Darwisy.

41. **Al-’Aqaid al-Islamiah** .. Oleh al-Syeikh Saiyid Saabiq

42. **Al-Insan Baina al-Maddiyah wal-Islam** ........ Oleh al-Ustaz Muhammad Qutub

43. **Hasyiah Fath al-Wahab** .......... Oleh al-Syeikh Sulaiman al-Jamal dan al-Syeikh Sulaiman al-Bujairimi

44. **Hasyiah Fath al-Muin** .. Oleh al-Saiyid al-Bakri bin Muhammad Syata.

45. **Ahkam al-Murtaddin fi al-Syari’ati al-Islamiyah** .. Oleh al-Ustaz Nu’man Abd Razzaaq al-Samira’i.

46. **Kitab Al-Ta’rifat** ...... Oleh al-Syeikh al-Saiyid Ali bin Muhammad al-Jurjaani

☆☆☆☆☆

# KANDUNGAN


| | |
|---|---|
| Sekapur Sirih | 108 |
| Kitab-kitab Rujukan | 110 |
| Kandungan | 113 |
| Pembuka Kata: Manusia dan Keistimewaan Keadaan Semulajadinya | 120 |
| **BAB 1: Beriman Kepada Allah SWT** | **125** |
| **Fasal Pertama – Mengenal Allah SWT dan Mengesakan-Nya** | 121 |
| Islam Berkembang Dengan Jalan Dakwah | 123 |
| Pemilihan Baginda SAW Tentang Orang-orang yang Ditugaskan Berdakwah | 123 |
| Dakwah Islamiah Wajib Disampaikan Kepada Umat Manusia Termasuk Kaum Yahudi dan Nasrani | 124 |
| Asas Agama Ialah Ma'rifat Allah | 125 |
| Ma'rifat Allah Wajib Pada Syara' dan Juga Wajib Pada Akal | 125 |
| Jalan yang Menyampaikan Kepada Ma'rifat | 126 |
| Dalil-dalil Akal yang Membuktikan Wujudnya Allah Ta'ala | 128 |
| Dalil-dalil Akal yang Membuktikan Sifat-sifat Kesempurnaan Allah Ta'ala | 129 |
| Dalil-dalil Akal yang Membuktikan Keesaan Allah | 130 |
| Dalil-dalil al-Quran yang Menjelaskan Sifat-sifat Kesempurnaan dan Keesaan Allah Ta'ala | 131 |
| **Fasal kedua – Membersihkan Tauhid Daripada Sebarang Syirik** | 137 |
| Akibat Buruk yang Akan Menimpa Orang yang Melakukan Syirik | 139 |
| Menjauhi Syirik Dalam Segala Bentuknya | 140 |
| Baginda SAW Menjadi Tumpuan Pertanyaan Sahabat-sahabatnya | 143 |
| Soal syirik | 144 |
| **BAB 2: Beriman Kepada Rasul-rasul Allah SWT** | **145** |
| **Fasal Pertama – Kerasulan Nabi Muhammad SAW** | 147 |
| Wajib Beriman Kepada Nabi Muhammad SAW dan Agama Islam yang Dibawanya | 148 |
| Keistimewaan Nabi Muhammad SAW | 149 |
| Nabi Muhammad SAW Diutus Kepada Sekalian Makhluk | 150 |

Rasulullah SAW Tempat Rujuk Sahabat-sahabat Baginda Mengenai Perkara-perkara Agama 151
Kesan Cerita-cerita yang Dibawa Oleh Kaum Yahudi 152
Amaran Baginda SAW Supaya Orang-orang Islam Jangan Ragu-ragu dan Serba Salah Dalam Soal Agama yang Dibawanya 152
Penegasan Baginda SAW Bahawa Agama Islam yang Dibawanya Adalah yang Benar, Bersih Suci dan Jelas Nyata 152
Ketinggian Agama Islam: Islam Tetap Tinggi dan Tidak Ada yang Mengatasinya 153
Syariat Islam Memansuhkan Syariat-syariat yang Lain 154

**Fasal Kedua – Wajib Beriman Kepada Semua Rasul yang Diutus Oleh Allah Ta'ala 156**

**Fasal Ketiga – Terpeliharanya Rasul-rasul Dari Sebarang Perkara yang Mencacatkan Kesempurnaan Martabatnya 158**

**BAB 3: Beriman Kepada Kitab-kitab Allah 161**
Kitab Suci al-Quran al-Karim 162

**BAB 4: Beriman Kepada Adanya Malaikat 167**
Beriman Kepada Perkara yang Ghaib 167
Ada yang Ditugaskan Mengenai Kejadian Manusia Dalam Kandungan Rahim Ibunya 169
Di antara Malaikat juga, Ada yang Ditugaskan Memerhati Amalan-amalan Manusia 170
Di Antara Malaikat Juga, Ada yang Bertugas Mengisytiharkan Kepada Umum Tentang Orang yang Dikasihi Allah, dan Orang yang Dibencinya 171
Di Antara Malaikat juga, Ada yang Ditugaskan Mengucap Amin. 173
Di Antara Malaikat juga, Ada yang Ditugaskan Membaca "اللهم ربنا لك الحمد" 176
Ada yang Ditugaskan Memohon Keampunan Bagi Orang yang Berada di Tempat Sembahyang Dalam Keadaan Suci Bersih 175
Ada yang Ditugaskan Berdoa Untuk Orang-orang yang Merapatkan Celah-celah Saf Sembahyang, dan Orang yang Berada di Saf yang Pertama 176
Ada yang Ditugaskan Mengingatkan Manusia Tentang Kelebihan Bulan Ramadhan dan Peluang-peluang yang

Terbuka Bagi Seseorang Untuk Berusaha Mencapai Keredhaan Allah 177
Ada yang Ditugaskan Menyeru Tiap-tiap Hari, Menggalakkan Manusia Supaya Berbakti Dengan Nikmat-nikmat yang Dikurniakan Allah Kepadanya 178
Ada yang Ditugaskan Pada Hari Akhirat – Melahirkan Penghargaan Kepada Orang yang Telah Membanyakkan Amal-amal Kebajikan 179
Ada yang Ditugaskan Menyampaikan Ucapan Selawat dan Salam yang Diucapkan Oleh Seseorang Kepada Rasulullah SAW 181

**Berselawat Atas Nabi Muhammad SAW dan Faedahnya** 182
Makna Selawat dan Tujuannya 182
Hukum Berselawat 184
Faedah-faedah Berselawat Menurut Keterangan Hadith-hadith Nabi Muhammad SAW dan Penjelasan Alim Ulama’ 185
Masa yang Dituntut Berselawat Padanya 188
Cara Berselawat dan Seafdal-afdalnya 188
Di Antara Malaikat Juga, Ada yang Ditugaskan Menulis Segala Amal Manusia 189
Perihal Malaikat Penulis Amal Manusia 190
Di Antara Malaikat Juga, Ada yang Ditugaskan Mencatat Susunan Kedatangan Ahli Jumaat 191
Ada Pula yang Ditugaskan Menulis Amal-amal Soleh yang Biasa Dikerjakan oleh Seseorang, yang Kemudian Ia Berhenti Melakukannya Disebabkan Bencana yang Menimpanya 192
Ada Juga yang Ditugaskan Berdoa Untuk Kebaikan Orang yang Mengajar Perkara yang Baik 193
Ada yang Ditugaskan Memberi Penghormatan Kepada Penuntut Ilmu Agama 194
Ada yang Ditugaskan Mengucap Amin Bagi Doa Seseorang yang Memohon Kebaikan Untuk Saudaranya Dengan Tidak Setahunya 195
Ada yang Ditugaskan Memberi Ilham Kepada Manusia 195
Ada yang Ditugaskan Melaknat Orang yang Mengacukan Senjata Kepada yang Bukan Musuhnya Pada Syarak 197
Ada yang Ditugaskan Melaknat Sesiapa yang Menyeksa haiwan 197

Ada yang Ditugaskan Melaknat Orang yang Menjual Sesuatu Barang yang Cacat Dengan Tidak Menerangkan Cacatnya 198
Ada yang Ditugaskan Melaknat Orang yang Memberi fatwa Dengan Tidak Berdasarkan Ilmu 199
Ada yang Ditugaskan Melaknat Sesiapa yang Mencaci Sahabat Rasulullah SAW 199
Cara Malaikat Mengambil Nyawa Orang Mukmin 202
Cara Malaikat Mengambil Nyawa Orang Kafir dan Orang Zalim 202
Tujuan Beriman Kepada Malaikat 204

**Perihal Jin 206**

**BAB 5: Beriman Kepada Adanya Hari Akhirat 210**
Alam Akhirat Memang Diakui Oleh Hati Nurani Manusia 210

**Fasal Pertama – Keadaan Seseorang Ketika Sampai Ajal "Maut" 213**
Apa Dia Maut Itu? 213
Keadaan Seseorang Dalam Kubur 221
Adab dan Tatatertib Melawat Orang Sakit, Atau Menghadiri Orang yang Hampir Mati atau Orang yang Sudah Mati 228
Panduan Bagi Orang-orang yang Ditimpa Bencana 231

**Fasal Kedua – Matinya Tiap-tiap yang Bernyawa Apakala Berakhir Umur Dunia, Kemudian Semuanya Dihidupkan Semula 235**
Akhir Umur Dunia 243

**Fasal Ketiga – Perhimpunan Makhluk-makhluk ke Padang Mahsyar, dan Perkara-perkara yang Berlaku di Situ Sehingga Masing-masing Menerima Balasan 246**
Masa Hari Kiamat dan Huru-haranya 247
Cara Pemergian Manusia ke Padang Mahsyar 254
Keadaan Manusia Dalam Masa Pergi dan Berada di Padang Mahsyar 255

**Keistimewaan Nabi Muhammad SAW yang Teragung, yang Dipuji oleh Semua yang Ada di Padang Mahsyar 258**
Hadith Syafaat 258
Penimbang Amal 273

**Kampung Tempat Balasan yang Diuntukkan Bagi Manusia Mendiaminya Itu Ada Dua 278**
Kolam "al-Kauthar" 282

**BAB 6: Wajib Beriman Kepada Qadar Takdir** **287**
Apa Dia "Qadar Takdir" Itu? 290
Apa Ertinya "Qadha" Itu? 291
Apa Ertinya Beriman Kepada Qadar Takdir 291
Qadar Takdir Tuhan" yang Berhubung Dengan Manusia Terbahagi Kepada Tiga Bahagian 293
Bahagian yang Pertama 293
Bahagian yang Kedua 293
Bahagian yang Ketiga 295
Kesimpulannya 299

**Wajib Menjaga dan Memelihara Jangan Rosak Iman dan Islam** **302**
Perkara-perkara yang Menyebabkan Rosaknya Iman dan Islam 307
Bahagian yang Pertama 307
Bahagian yang Kedua 308
Bahagian yang Ketiga 310
Cara-cara Masuk Islam 311

**Natijah Memahami Aqidah Kepercayaan yang Telah Dihuraikan** **313**

**Penutup Kata: Manusia dan Dunia** **316**
Dunia dan Daya Penariknya 317
Cara Menghadapi Daya Penarik Dunia 318

**Apa Dia Dunia Itu?** **324**
Dunia: Menurut Pengertian yang Pertama 324
Dunia: Menurut Pengertian yang Kedua 325
Maksud Hadith yang Menerangkan Bahawa: "Dunia Ini Ialah Penjara Orang Mukmin dan Syurga Orang Kafir" 325
Dunia: Menurut Pengertian yang Ketiga 326
Dunia: Menurut Pengertian yang Keempat 327
Maksud "Athar Islam" yang Selalu Disebut-sebut: "Berusahalah Untuk Duniamu Seolah-olah Engkau Hidup Selama-lamanya, dan Beramallah Untuk Akhiratmu Seolah-olah Engkau Mati Esok Hari" dan Pengertiannya yang Sebenar 327

⋆ ⋆ ⋆ ⋆ ⋆

بَلِّغُوْا عَنِّيْ وَلَوْ آيَةً

(البخاري وترمذي)

"Sampaikanlah (apa yang kamu dapat) dariku walau satu ayat sekalipun",
(Bukhari dan Tarmizi)

Pembuka Kata

# MANUSIA DAN KEISTIMEWAAN KEADAAN SEMULA JADINYA

Manusia dilahirkan dengan keadaan berakal fikiran, mempunyai mata hati dan daya kesedaran, sebagaimana ia mempunyai gharizah (naluri), pancaindera dan perasaan.

Jelasnya, manusia menurut keadaan semula jadinya:

(1) Terpengaruh dengan segala yang difikirkan dan dilihatnya.
(2) Menghargai sebarang budi dan kebaikan, dan menghormati tempat terbitnya serta bersyukur dan berterima kasih kepada pemberinya.
(3) Mengagungkan yang mempunyai kebijaksanaan dan pengetahuan yang lebih tinggi daripadanya serta menghormatinya.
(4) Tunduk patuh kepada yang mempunyai kekuasaan yang mengatasinya.
(5) Mencintai keamanan, keadilan dan kesejahteraan.

Dengan yang demikian, meskipun manusia itu kecil dan terhad dalam bentuk tubuhnya yang jasmani, tetapi ia adalah tinggi martabatnya dari segala jenis makhluk yang lain disebabkan oleh hakikat zatnya yang rohani – zat kemanusiaan yang dengannya manusia dapat mencapai dan memahami hakikat sesuatu, pendapat-pendapat dan akidah kepercayaan.

Dengan segala persediaan itu, timbullah keinginan manusia mengkaji dan membahas untuk mengetahui hakikat apa yang dilihat dan difikirkannya, untuk dijadikan pegangan hidup atau akidah kepercayaan yang diyakininya – demi keselamatan dan kebahagiaannya.

Ia mula bertanya dalam hatinya: Dari mana datangnya alam yang terbentang luas ini —termasuk manusia sendiri. Dan ke mana kesudahannya.

Sebagai makhluk yang berkeadaan lemah dan kurang pada serba serbinya, yang sentiasa memerlukan pertolongan, perlindungan dan pimpinan, maka manusia – dengan kesedaran dan keinsafan hati nuraninya – dapat menjawab pertanyaan itu dengan menegaskan bahawa segala kejadian itu ada Penciptanya Yang Maha Kuasa, yang mentadbirkannya dengan bijaksana.

Hakikat ini tetap diakui, kecuali kalau tabiat semula jadi seseorang itu telah dinodai oleh keadaan sekeliling yang menyeleweng dari jalan yang benar.

Jelasnya, manusia – menurut tabiat semula jadinya – mengakui bahawa yang menciptakan segala-galanya ialah Yang Maha Kuasa, tetapi manusia telah meraba-raba tentang menentukan Yang Maha Kuasa itu dan tentang keadaan-Nya yang sebenar, sehingga timbul berbagai-bagai fahaman dan kepercayaan mengikut sangkaan dan anggapan masing-masing.

Untuk mengekalkan keistimewaan keadaan semula jadi manusia dan menyelamatkannya dari kesesatan, maka Yang Maha Kuasa mengutuskan Rasul-rasul-Nya silih berganti untuk memimpin umat manusia kepada menentukan Yang Maha Kuasa dan keadaan-Nya yang sebenar, kerana menurut undang-undang yang ditetapkan oleh Yang Maha Kuasa pada makhluk-makhluk-Nya, manusia dalam alam kehidupan ini, sama ada dalam perhubungannya dengan Tuhan atau dalam pergaulannya dengan masyarakat, juga dalam amal perbuatan terhadap makhluk-makhluk yang lain, adalah menjadi gambaran dari akidah kepercayaannya. Maka apabila betul akidahnya, betullah pula amalan hidupnya dan tetap teguhlah atas jalan yang benar. Sebaliknya jika rosak akidahnya: buruklah perjalanan hidupnya.

Pimpinan Rasul yang diutuskan untuk menentukan Yang Maha Kuasa dan akidah kepercayaan yang berhubung dengan ketuhanan Yang Maha Kuasa itu – ada kalanya dengan cara menyampaikan dan menerangkan perintah-perintah Yang Maha Kuasa yang terkandung dalam kitab suci yang dibawanya, dan ada kalanya dengan memberikan pengajaran dan penjelasan dengan hadith-hadith yang diilhamkan kepadanya.

Maka bagi menerangkan pimpinan Rasul itu, kami menyusun – sekadar yang dapat – hadith-hadith kandungan jilid satu dengan berasaskan sebahagian dari hadith yang ketiga belas pada bab yang kelima daripada kitab, **"Muqaddimah Mastika Hadith Rasulullah SAW"** yang telah diterbitkan dahulu.

☆ ☆ ☆ ☆ ☆

'Muqaddimah Mastika Hadith Rasulullah SAW' merupakan intisari daripada kandungan ketiga-tiga jilid Mastika Hadith iaitu jilid satu berkaitan dengan iman, jilid dua berkaitan dengan hukum syarak, dan jilid tiga berkaitan dengan puasa, zakat, sedekah dan khairat. 'Mastika Hadith Jilid Satu' pula mengandungi hadith-hadith Rasulullah SAW sebanyak 143 hadith yang berkaitan dengan iman yang disertakan dengan makna dan huraian serta 40 hadith lagi diambil maksudnya sahaja. Tiap-tiap hadith pula diterangkan darjatnya sama ada ia sahih atau hasan dan disertakan dengan nama kitab rujukannya. Walaubagaimanapun pengarang tetap menjadikan ayat-ayat al-Quran sebagai dalil-dalil yang asasi dan sumber hukum yang utama.



ISBN 978-983-042-478-1